

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB PUAN YEO BEE YIN [BAKRI]
TARIKH : 30 SEPTEMBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN

Minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan senarai Kerajaan Negeri yang membeli vaksin sendiri. Kenapakah vaksin ini tidak boleh dibekalkan oleh Kerajaan Pusat. Kenapa Pharmaniaga dibenarkan untuk membuat profiteering dengan menjual vaksin kepada Kerajaan Negeri.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Memandangkan agihan bekalan vaksin setiap bulan adalah berdasarkan ketersediaan bekalan vaksin yang dihantar oleh pembekal, ada Kerajaan Negeri yang mendapati bekalan vaksin tidak mencukupi untuk mengerakkan sasaran vaksinasi di negeri dan mengambil langkah alternatif untuk membuat perolehan sendiri.

Namun atas ketetapan KKM, sebarang perundingan pembekalan perlu melibatkan Pemegang Pendaftaran Produk (PRH) tempatan di mana bagi vaksin jenis Sinovac ialah Pharmaniaga Life Sciences Sdn. Bhd. (PLSB) manakala bagi bekalan vaksin Cansino pula ialah Solution Biologics Sdn. Bhd. (SBSB).

Sehingga kini, hanya Kerajaan Johor, Negeri Sembilan, Pahang dan Perak yang telah mengadakan perjanjian dengan syarikat Pharmaniaga Life Sciences Sdn. Bhd. (PLSB) untuk memperoleh vaksin jenis Sinovac.

NO. SOALAN : 16

Pihak Pharma Niaga Life Sciences Sdn. Bhd (PLSB) telah dibenarkan untuk menjual vaksin kepada pasaran swasta selepas membekalkan jumlah dos vaksin Sinovac (komitmen) mengikut perjanjian antara PLSB dan Kerajaan.

Kapasiti *fill and finish* sedia ada di bawah PLSB mampu membekalkan vaksin Sinovac dijual kepada pasaran swasta. Rundingan harga oleh Kerajaan Negeri dan pihak swasta adalah *business-to-business* di luar kawalan pihak Kerajaan Persekutuan.

Walau bagaimana pun, satu kawalan harga jualan terhadap pasaran swasta tempatan vaksin akan dipertimbangkan dalam Jawatankuasa Khas Jaminan Bekalan Vaksin COVID-19 (JKJAV).

Sekian, terima kasih.